

PM sokong syor Sultan Selangor isu kalimah dibawa ke MKI

Perkara sensitif perlu dibincang, dimuktamadkan sebaiknya jamin kesucian Islam

bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersejua dengan cadangan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk membawa isu kalimah Allah kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada Ogos depan sebelum diangkat kepada Majlis Raja-Raja (MRR) pada Oktober ini.

Sultan Selangor selaku Pengerusi MKI percaya pandangan MKI adalah penting untuk dimajukan kepada MRR dalam me-



Sultan Selangor menerima menghadap Perdana Menteri di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, semalam.

(Foto ihsan Selangor Royal Office)

netapkan dasar muktamad berhubung penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Malaysia.

Persetujuan itu disepakati selepas Sultan Sharafuddin mengadakan perbincangan dengan Anwar di Istana Bukit Kayangan, di sini, tengah hari semalam.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri menghadap dan menyembah taklimat berhubung keputusan Kerajaan Malaysia menarik balik rayuan dalam kes Jill Ireland lawan Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia di Mahkamah Rayuan baru-baru ini.

Jamin rujuk MRR dahulu.

“Beta disembah maklum berhubung komitmen Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Anwar yang akan merujuk isu ini kepada MRR bagi penetapan dasar berhubung penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Malaysia.

“Dalam perbincangan itu, beta selaku Pengerusi MKI menyuarakan pandangan yang juga dipersetujui Yang di-Pertuan Agong, bahawa perkara ini perlu dibawa terlebih dulu kepada MKI untuk dibincangkan selaras dengan fungsi MKI yang bertanggungjawab menasihatkan Raja-Raja Melayu dalam menambah baik tadbir urus agama Islam pada peringkat Persekutuan.

“Beta juga berpandangan, perkara ini membabitkan sensitiviti agama di Malaysia, isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam ini perlu dimuktamadkan segera oleh Kerajaan Malaysia dengan penuh hikmah dan tanggungjawab,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin turut bertitah meminta semua pihak menghormati peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak dan kuasa Raja-Raja Melayu dalam menentukan perkara berkaitan agama Islam.